

PPPU NEWSLETTER



Amanat Pengarah Tahun 2026



Tahun 2025 telah melabuhkan tirainya dengan pelbagai cabaran dan penuh dengan warna-warni. Tahiah kepada semua ahli keluarga PPPU yang telah memberikan komitmen yang tinggi dan hasil kerja yang sangat baik dalam usaha untuk melahirkan para pelajar yang berdaya saing secara akademik, bersahsiah tinggi dan holistik. Pertambahan ketara bilangan pelajar berbanding tahun-tahun sebelumnya telah menguji keupayaan PPPU untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam PdP mahupun pengalaman kampus pelajar. Hasil kejayaan tahun 2025 seharusnya dibanggakan oleh semua ahli PPPU dan seterusnya menjadi pembakar semangat untuk PPPU menggapai kecemerlangan dalam pelbagai komponen termasuklah PdP, penyelidikan, inovasi dan agenda kelestarian bagi tahun 2026.

Permulaan tahun baharu 2026 telah menunjukkan sedikit sebanyak gambaran dengan cabaran-cabaran yang perlu ditempuh. Dengan pelancaran Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 dan Pelan Strategik (PS) UNIMAS 2026-2030, diharapkan kedua-dua dokumen ini akan menjadi pemangkin untuk perkembangan positif PPPU terutamanya dalam agenda kelestarian, inovasi penyelidikan dan aplikasi kecerdasan buatan. Dengan mendukung RPTM 2026-2035 dan PS UNIMAS 2026-2030, momentum ahli PPPU dijangka akan dapat diperkukuhkan dan dipertingkatkan bagi memastikan PPPU akan cemerlang hingga dikenali dan diiktiraf di peringkat global.

Kecil atau besar cabaran yang mendatang ini, PPPU akan kekal teguh dan utuh dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diterima. Lima teras utama UNIMAS, ExCITE, akan terus menjadi ramuan penting dalam menggalas tugas-tugas yang akan menyokong perancangan bagi kemajuan dan kejayaan PPPU. Pengwujudan Unit Strategik dan Kelestarian PPPU diharapkan akan mampu mengemudi hala tuju PPPU dengan jayanya selari dengan RPTM 2026-2035 dan PS UNIMAS 2026-2030.

Diharapkan pada tahun 2026 ini, semua ahli keluarga PPPU kekal diberikan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki dan lebih cemerlang daripada pencapaian-pencapaian sebelumnya.

PPPU-IUM Jalin Misi Komuniti

PPPU UNIMAS telah menerima kunjungan delegasi *Centre for Foundation Studies, International Islamic University Malaysia* (IIUM) bagi menjayakan *Community Engagement Programme Sarawak 2026* pada 24-27 Februari 2026. Program ini sebahagian daripada inisiatif *Ramadhan Beyond Borders 2026*. Sepanjang empat hari, delegasi IIUM terlibat dalam program Juh Sungai Luar anjuran JPP PPPU, aktiviti STEAMS dan program keceriaan di SK Kampung Baru, serta sesi tazkirah dan perkongsian ilmu. PPPU turut merakamkan penghargaan kepada staf yang menyumbang tenaga dalam menjayakan program ini. Kerjasama ini diharap terus memberi manfaat kepada komuniti setempat.



Bengkel Micro-Teaching PPPU

Unit Pengurusan Kualiti Akademik PPPU telah menganjurkan Bengkel Micro-Teaching pada 6 Februari 2026, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, PPPU. Bengkel ini diadakan sebagai inisiatif sokongan dan bimbingan kepada pensyarah baharu agar mereka dapat memperkukuh kemahiran penyampaian serta mengamalkan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan. Program ini melibatkan empat orang pensyarah daripada tiga bidang utama, iaitu Matematik yang disampaikan oleh Dr. Ayu Ameliatul Shahilah, Bahasa Inggeris oleh Cik Fhriscilla Matin, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh En. Abd Razak dan En. Khalif Amir. Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen PPPU dalam memperkasa kualiti pengajaran dan memastikan pensyarah baharu mendapat pendedahan yang sewajarnya dalam suasana akademik yang kondusif.



Bengkel Penyelidikan Siri 1: Perancangan Idea ke Proposal

Jawatankuasa Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan PPPU telah menganjurkan Bengkel Penyelidikan Siri 1: Perancangan Idea ke Proposal pada 12 Februari 2026. Program dimulakan dengan aluan Pengarah PPPU dan taklimat Timbalan Pengarah Akademik dan Penyelidikan, diikuti slot permohonan geran oleh Puan Wan Roslina, pembentukan kumpulan penyelidikan merentas bidang mengikut kluster, perbincangan merangka abstrak dan idea proposal, serta pembentangan pelan penyelidikan. Bengkel ini menjadi langkah proaktif PPPU dalam menyuburkan budaya penyelidikan dan inovasi serta memperkukuh kecemerlangan akademik warga pusat pengajian secara berterusan.

